



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

KEPERLUAN TAHAP PERKHIDMATAN

PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN

Selaras dengan kuasa yang diperuntukkan dalam seksyen 57 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 715], Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat dengan ini menetapkan Keperluan Tahap Perkhidmatan iaitu syarat-syarat lesen yang perlu dipatuhi oleh semua pengendali berlesen perkhidmatan kenderaan barangan seperti yang dinyatakan di Lampiran A.

Keperluan Tahap Perkhidmatan ini hendaklah menjadi dan dianggap sebagai sebahagian serta hendaklah dibaca bersama-sama lesen pengendali yang dikeluarkan kepada pengendali berlesen perkhidmatan kenderaan barangan.

Keperluan Tahap Perkhidmatan ini hendaklah berkuat kuasa pada 20 Julai 2026.

Bertarikh pada 17 Julai tahun 2026

Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat

Agensi Pengangkutan Awam Darat
Kementerian Pengangkutan Malaysia

SYARAT – SYARAT PELESENAN

SYARAT AM

BAHAGIAN I – KEPERLUAN UMUM

1. Pengendali Berlesen boleh menjalankan perkhidmatan kenderaan barangan di seluruh Semenanjung Malaysia. Bagaimanapun, Pengendali Berlesen hendaklah memastikan kenderaan tersebut tidak menggunakan jalan-jalan yang mempunyai sekatan masa, had berat, had ketinggian dan had panjang tanpa kelulusan Pihak Berkuasa atau Agensi berkaitan.
2. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan pemandu kenderaan barangan mempunyai Lesen Vokasional (GDL) yang masih berkuat kuasa semasa beroperasi.
3. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan kenderaan barangan yang digunakan mempunyai Permit Kenderaan yang masih berkuat kuasa semasa beroperasi.
4. Tiada sebarang pengubahan kepada Lesen Pengendali yang merangkumi Permit Kenderaan dan Permit Perkhidmatan boleh dibuat tanpa mendapat kelulusan bertulis daripada Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD).
5. Pengendali Berlesen Pembawa 'A' hanya dibenarkan untuk membawa barangan untuk sewa atau upah bagi atau berhubungan dengan apa-apa perdagangan atau perniagaan yang dijalankan.
6. Pengendali Berlesen Pembawa 'C' hanya dibenarkan untuk membawa barangan sendiri bagi atau berhubungan dengan apa-apa perdagangan atau perniagaan yang dijalankan.
7. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan kenderaan barangan jenis bersendi penggerak utama tidak dibenarkan untuk menarik *treler* atau *semi-treler* milik

syarikat lain kecuali mendapat kelulusan Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat.

8. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan tiada apa-apa perubahan dilakukan kepada struktur atau kelengkapan kekal sesuatu kenderaan barangan yang berkaitan tanpa kelulusan Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan.
9. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan apa-apa tanda badan yang disyaratkan pada kenderaan barangan jelas kelihatan setiap masa.
10. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan kenderaan barangan diletak dan disimpan di tempat yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau lokasi yang diluluskan oleh APAD semasa tidak beroperasi.
11. Sekiranya dikehendaki untuk mengemukakan maklum balas berkaitan aduan, Pengendali Berlesen hendaklah memberi maklum balas tersebut kepada APAD dalam tempoh tiga (3) hari dari tarikh aduan diterima.
12. Sekiranya berlaku kematian, pengurus dilantik atau waris terdekat kepada Pengendali Berlesen hendaklah memaklumkan kepada APAD dalam tempoh 30 hari dari tarikh kematian. Kegagalan berbuat demikian boleh mengakibatkan Lesen Pengendali ini dibatalkan tertakluk kepada Seksyen 62 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010.
13. Pengendali Berlesen hendaklah pada setiap masa mematuhi:
 - (a) Peruntukan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 715), peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah yang dibuat dibawahnya termasuk Permit Kenderaan dan Permit Perkhidmatan;
 - (b) Peruntukan undang-undang Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333), serta peraturan-peraturan atau kaedah-kaedah yang dibuat dibawahnya;

- (c) Peruntukan undang-undang bertulis yang lain, serta peraturan-peraturan atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya; dan
- (d) Pekeliling-pekeling terdahulu yang dikeluarkan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Semenanjung Malaysia dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) bagi maksud undang-undang pengangkutan awam darat selagi mana tidak bertentangan dengan syarat-syarat ini atau dibatalkan.

BAHAGIAN II – DOKUMENTASI

14. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan dokumen-dokumen berikut sentiasa dipamerkan di dalam kenderaan barangan yang dilesenkan:
 - (a) Permit Kenderaan yang masih berkuat kuasa;
 - (b) Perakuan Pemeriksaan PUSPAKOM yang masih berkuat kuasa; dan
 - (c) Lesen Kenderaan Motor (LKM) yang masih berkuat kuasa.
15. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan dokumen-dokumen berikut sentiasa dibawa di dalam kenderaan barangan yang dilesenkan dan dikemukakan bagi tujuan pemeriksaan kepada pegawai yang diberikan kuasa untuk menguatkuasakan Akta 715:
 - (a) salinan Lesen Pengendali yang masih berkuat kuasa;
 - (b) salinan Permit Perkhidmatan yang masih berkuat kuasa;
 - (c) salinan Kelulusan Laluan bagi sekatan masa, had berat, had ketinggian dan had panjang (sekiranya berkaitan).
16. Pengendali Berlesen hendaklah mengemukakan data, dokumen dan rekod kepada APAD mengikut masa yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat.

BAHAGIAN III – OPERASI

17. Pengendali Berlesen hendaklah bertanggungjawab memastikan pekerja dan pemandu menjaga tingkah laku atau perbuatan semasa beroperasi.
18. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan kenderaan barangan yang dilesenkan tidak digunakan untuk apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang.
19. Pengendali Berlesen hendaklah mematuhi Berat Dengan Muatan (BDM) seperti yang diluluskan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) atau seperti di dalam Permit Kenderaan. Bagi kenderaan barangan bersendi, BDM yang dibenarkan untuk ditarik oleh penggerak utama hendaklah tidak melebihi Berat Gabungan Kasar (BGK) penggerak utama atau BDM semi-treler atau treler yang mana terendah.
20. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan muatan yang dibawa di dalam kenderaan barangan yang dilesenkan adalah seperti yang dinyatakan pada Permit Kenderaan yang dikeluarkan oleh APAD dan pelan teknikal yang diluluskan oleh JPJ.
21. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan kesemua jejak tayar kenderaan barangan sentiasa bersentuhan dengan permukaan jalan semasa membawa muatan.
22. Pemandu kenderaan tidak meletakkan kenderaan di kawasan berbukit atau bercerun kecuali ketika kecemasan atau kerosakan kenderaan.
23. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan kenderaan diparkir di tempat yang selamat semasa aktiviti memuat dan memunggah dijalankan serta tidak membahayakan pengguna jalan raya yang lain khususnya pintu belakang.
24. Pengendali Berlesen hendaklah merancang laluan perjalanan paling selamat dan cekap serta mengambil kira jumlah trafik, keadaan jalan raya dan faktor keselamatan.

25. Pengendali Berlesen digalakkan untuk memasang lampu mata arah pada kenderaan barangan bagi memberi amaran semasa kecemasan atau semasa berhenti di jalan raya.
26. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan label pengenalan yang merangkumi nama syarikat dan maklumat perhubungan dipaparkan di badan kenderaan untuk membolehkan orang awam mengemukakan aduan atau pertanyaan serta tindakan selanjutnya yang diambil.

BAHAGIAN IV – KEPERLUAN KESELAMATAN

27. Pengendali Berlesen hendaklah mematuhi Kod Amalan Industri SPAD - Keselamatan (SPAD ICOP - Keselamatan) untuk Pengendali Kenderaan Barangan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.
28. Pemandu kenderaan sentiasa mematuhi semua undang-undang dan peraturan lalu lintas termasuk had laju dan tanda berhenti.
29. Pemandu kenderaan sentiasa mengekalkan jarak selamat daripada kenderaan lain di jalan raya.
30. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan pemeriksaan rutin dan penyenggaraan berkala dijalankan ke atas kenderaan barangan.
31. Pengendali Berlesen hendaklah melaksanakan pra-pemeriksaan kenderaan barangan sebelum berlepas.
32. Pengendali Berlesen hendaklah menyediakan Pelan Tindakan Kecemasan (ERP) bagi menguruskan sebarang tumpahan muatan di atas jalan raya akibat kemalangan atau lain-lain.
33. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan pemandu kenderaan telah diberi maklumat, arahan dan latihan yang bersesuaian dengan kenderaan yang digunakan

dan muatan yang dibawa termasuk pengurusan prosedur kecemasan dan penggunaan kelengkapan keselamatan yang disediakan dalam kenderaan.

34. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan pemasangan pelekat pemantul cahaya (reflektor) mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan dan mematuhi piawaian MS828:2011 atau UN Regulation 104 (*Retro-Reflective Markings for Heavy & Long Vehicles*).
35. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan pemadam api menurut spesifikasi yang ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat hendaklah disediakan sekurang-kurangnya dua (2) unit untuk Penggerak Utama dan Treler merujuk kepada Pelan Teknikal Kenderaan yang diluluskan.
36. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan Tanda Talian Penting Aduan yang dinyatakan di bawah Peraturan-Peraturan Pengangkutan Awam Darat (Tanda Talian Penting Aduan) 2023 jelas kelihatan pada badan kenderaan barangan setiap masa.
37. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan setiap kenderaan barangan dilengkapi dengan Peranti Pengehad Kelajuan atau *Speed Limitation Device* (SLD) yang memenuhi fungsi dan spesifikasi sebagaimana ditetapkan dalam Garis Panduan Pemasangan dan Penggunaan *Speed Limitation Device* (SLD) ke atas Kenderaan Perdagangan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).
38. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan setiap kenderaan barangan dilengkapi dengan Sistem Kedudukan Sejagat (GPS) yang berfungsi dan berupaya untuk memantau serta merekod semua perjalanan termasuk membenarkan akses kepada capaian sistem GPS tersebut. Sekiranya diarahkan oleh APAD, Pengendali Berlesen hendaklah mengintegrasikan dengan sistem pemantauan yang digunakan APAD mengikut spesifikasi yang ditetapkan.
39. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan pemasangan Sistem Kedudukan Sejagat atau Global Positioning System (GPS) mempunyai penarafan *Trackscore*

MIROS sekurang-kurangnya tiga bintang, atau yang setara dengannya atau memenuhi keperluan spesifikasi minima yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat.

40. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan pegawai pengurusan operasi atau penyelaras keselamatan dan kesihatan (OSH-C) menghadiri Latihan ICOP Keselamatan seperti yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat sebelum pengeluaran lesen bagi permohonan baharu dan sebelum pengeluaran lesen bagi permohonan membaharui.
41. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan pembawaan muatan dikendalikan dengan selamat dan tidak mendatangkan bahaya kepada pemandu, pengguna jalan raya yang lain dan orang awam serta tidak mendatangkan kerosakan kepada harta benda awam.

BAHAGIAN V – PENGAWALSELIAAN

42. Sekiranya suatu bon jaminan sementara telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa terhadap mana-mana kenderaan barangan pengendali berlesen disita mengikut peruntukkan Akta 715, pengendali berlesen dikehendaki mengembalikan sertamerta kenderaan yang disita kepada Pihak Berkuasa berkaitan apabila diminta.

SYARAT KHAS

A. Kendaraan Barangan *Tipper Dumper*

Bahagian I – Spesifikasi Kendaraan

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan muatan yang dibawa kendaraan barangan *tipper dumper* tidak menyebabkan panel sisi (*side board*), panel belakang (*tail board*) dan pagar (*railing*) kendaraan mengembang melebihi dimensi badan kendaraan sepertimana yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan.
2. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan muatan yang dibawa kendaraan barangan *tipper dumper* tidak melebihi paras ketinggian panel sisi (*side board*) dan pagar (*railing*) kendaraan.
3. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan muatan yang dibawa kendaraan barangan *tipper dumper* tidak mengunjur keluar melebihi hadapan, panel belakang (*tail board*), tepi panel sisi (*side board*) dan pagar (*railing*) kendaraan.
4. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan kendaraan barangan *tipper dumper* yang mempunyai panel sisi tidak melebihi 762 milimeter hanya membawa muatan berdasarkan spesifikasi teknikal dan jenis muatan serbuk dan ketulan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan.
5. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan kendaraan barangan *tipper dumper* yang mempunyai panel sisi melebihi 762 milimeter dan tidak melebihi 1524 milimeter hanya membawa muatan berdasarkan spesifikasi teknikal dan jenis muatan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan seperti hasil pertanian (jagung, sawit, soya, kelapa, koko, baja organik dan lain-lain) dan hasil galian (*gypsum*, arang batu, *petcoke* dan lain-lain).
6. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan kendaraan barangan *tipper dumper* yang mempunyai *wiremesh railing* hanya membawa muatan berasaskan pertanian yang

tidak berderai berdasarkan spesifikasi teknikal dan jenis muatan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan seperti tandan kelapa sawit, barangan buangan seperti dahan, ranting kayu atau seumpamanya.

7. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan kenderaan barangan *tipper dumper* hanya boleh membawa satu jenis muatan sahaja pada satu-satu masa dalam kumpulan yang sama.
8. Pengendali berlesen hendaklah memastikan kenderaan barangan *tipper dumper* yang mempunyai panel sisi melebihi 762 milimeter dan tidak melebihi 1524 milimeter dipasang tanda badan di bahagian tepi dan belakang kenderaan secara jelas dan tidak terlindung. Lokasi spesifik tanda badan boleh diubah suai dan diletakkan mengikut kesesuaian reka bentuk kenderaan. Sekiranya bahagian tersebut terlindung oleh kanvas, tanda badan wajib dipamerkan di atas kanvas berkenaan. Kod huruf tanda badan hendaklah mematuhi jenis muatan yang ditetapkan iaitu 'P' bagi hasil pertanian dan 'G' bagi hasil galian.
9. Pengendali berlesen hendaklah memastikan spesifikasi huruf tanda badan mematuhi ukuran dan reka bentuk yang telah ditetapkan bagi kenderaan barangan *tipper dumper*. Tanda badan tersebut hendaklah menggunakan tulisan berwarna hitam berukuran 200 milimeter lebar dan 300 milimeter tinggi dengan ketebalan sekurang-kurangnya 50 milimeter, serta dipaparkan pada latar belakang berbentuk segi empat berwarna putih berukuran 350 milimeter lebar dan 350 milimeter tinggi.

Bahagian II – Operasi

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan muatan yang dibawa kenderaan barangan *tipper dumper* ditutup dan dibungkus dengan sempurna menggunakan kain tarpaulin, kanvas atau seumpamanya. Kain tarpaulin, kanvas atau seumpamanya apabila digunakan hendaklah berada dalam keadaan baik, tidak koyak atau berlubang.

2. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan muatan dalam bentuk bungkusan, kotak atau karton berpalet tidak dibawa menggunakan kenderaan barangan *tipper dumper*.

B. Kenderaan Barangan Kontena

Bahagian I – Spesifikasi Kenderaan

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan tanda badan 'KA' dipamerkan dengan jelas pada bahagian kiri, kanan dan belakang badan kenderaan barangan kontena pada setiap masa. Tanda badan tersebut hendaklah menggunakan tulisan berwarna putih berukuran 225 milimeter tinggi dengan ketebalan 25 milimeter serta dipaparkan pada latar belakang berbentuk bulatan berwarna hitam berdiameter 305 milimeter.
2. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan saiz kontena yang dibawa kenderaan barangan kontena tidak melebihi badan treler atau semi-treler yang digunakan.

Bahagian II – Operasi

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan kenderaan barangan kontena hanya digunakan untuk membawa kontena ISO.
2. Pengendali Berlesen hendaklah menggunakan sistem pengurusan depoh kontena bagi tujuan tempahan waktu pengambilan dan waktu penghantaran kontena kosong. Sistem pengurusan depoh kontena tersebut hendaklah dibangunkan dan boleh dicapai secara atas talian melalui laman sesawang dan aplikasi mudah alih.
3. Pengendali Berlesen hendaklah mematuhi waktu tempahan yang telah dibuat bagi pengambilan dan penghantaran kontena kosong di depoh kontena. Sekiranya tidak dapat mematuhi waktu tempahan yang telah dibuat, Pengendali Berlesen hendaklah memaklumkan kepada pengendali depoh kontena.
4. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan semasa beroperasi:
 - (a) kesemua kunci pulas (*twist lock*) dipasang dan dikunci dengan kemas serta berfungsi dengan baik;

- (b) kesemua pintu kontena ditutup dengan rapat serta *locking rods/ door handle* dikunci dengan kemas kecuali ketika membawa jenis kargo mudah rosak seperti bawang atau seumpamanya yang mana hanya satu (1) keping pintu sahaja dibenarkan untuk dibuka (mesti diikat dengan kemas) atau ditanggalkan dan disimpan di dalam kontena;
 - (c) kargo pada kontena peralatan khas (*special equipment*) seperti kontena terbuka atas (*open top*) dan kontena rak rata (*flat rack*) diikat dengan kemas, ditutup dan tidak membahayakan pengguna jalan raya yang lain;
 - (d) kontena terbuka atas (*open top*) dan kontena rak rata (*flat rack*) tidak membawa muatan yang berderai atau dipecah bahagi; dan
 - (e) panel kontena berada dalam keadaan yang baik, ditutup dan tidak membahayakan pengguna jalan raya yang lain.
5. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan penggerak utama kenderaan barangan kontena hanya menarik treler atau semi-treler kenderaan barangan kontena sahaja.
6. Pengendali Berlesen tidak dibenarkan membawa dua buah kontena 20 kaki yang berisi (*laden*) menggunakan semi-treler kontena 40 kaki.
7. Pengendali Berlesen hanya dibenarkan beroperasi dari pelabuhan ke premis perniagaan dalam zon industri (*port to industrial zone*) atau dari premis perniagaan dalam zon industri ke pelabuhan (*industrial zone to port*).

C. Kenderaan Barangan *Luton*

Bahagian I – Spesifikasi Kenderaan

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan muatan berderai atau dipecah bahagi yang dibawa kenderaan barangan *luton* dibungkus dengan menggunakan beg jumbo (*jumbo bag*), tong, palet atau lain-lain cara pembungkusan yang bersesuaian.
2. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan muatan yang dibawa kenderaan barangan *luton* berada di dalam kotak (*box van/ treler/ trak*) semasa beroperasi.

Bahagian II – Operasi

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan semasa beroperasi:
 - (a) kesemua pintu pada panel kotak ditutup dengan rapat serta *lockrods* dikunci dengan kemas;
 - (b) kesemua tali pengikat (*lash strap*) pada panel kotak jenis *curtain sider* dipasang dan diikat dengan kemas; dan
 - (c) kargo pada panel kotak jenis *curtain sider* diletakkan di atas palet atau pada *chocks* dan diikat pada kerangka panel kotak.

D. Kenderaan Barangan *Timber Jinker*

Bahagian I – Spesifikasi Kenderaan

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan pengadang ruangan pemandu (*crush barrier*) pada kenderaan barangan *timber jinker* dipasang kerangka *crush barrier* bagi melindungi ruangan pemandu daripada impak gelongsoran mengejut muatan. Ketinggian *crush barrier* hendaklah mematuhi pelan teknikal yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan.
2. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan ketinggian tiang penyangga (*removable steel pole*) yang dipasang semasa muatan kayu balak berada di atas kenderaan barangan *timber jinker* tidak melebihi *crush barrier*. Bilangan minimum tiang penyangga adalah dua (2) batang pada setiap sisi bagi setiap tual.
3. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan rantai pengikat (*webbing*) digunakan bagi mengekalkan kedudukan susunan muatan di atas kenderaan barangan *timber jinker*. Saiz dan panjang rantai pengikat (*webbing*) hendaklah memenuhi piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia sebagaimana Garis Panduan Pemuatan dan Pengangkutan Balak.
4. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan hanya aksesori tambahan sebagaimana pelan teknikal yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan sahaja dibawa di dalam kenderaan barangan *timber jinker*.
5. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan saiz kotak penyimpanan aksesori tambahan bersesuaian dengan panjang tiang penyangga, rantai pengikat dan lain-lain aksesori tambahan yang digunakan oleh kenderaan barangan *timber jinker*.
6. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan kedudukan bongkah kayu atau aksesori tambahan lain yang digunakan sebagai penyendal balak berada dalam

keadaan selamat dan disimpan di tempat yang dikhaskan sekiranya tidak digunakan.

Bahagian II – Operasi

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan kenderaan barangan *timber jinker* hanya digunakan untuk membawa muatan kayu balak, kayu bergergaji dan papan lapis.
2. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan muatan disusun dengan selamat dan diikat kemas menggunakan rantai atau tali pengikat (*lash strap*) atau seumpamanya berdasarkan kepada piawaian yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia sebagaimana Garis Panduan Pemuatan dan Pengangkutan Balak.
3. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan muatan diikat sekurang-kurangnya dengan tiga (3) tali pengikat bagi setiap tual sebagaimana Garis Panduan Pemuatan dan Pengangkutan Balak.
4. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan serpihan kulit kayu balak tidak jatuh atau berciciran semasa kenderaan barangan *timber jinker* beroperasi.
5. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan muatan panjang di bahagian belakang (*rear overhang*, ROH) kenderaan barangan *timber jinker* tidak mengunjur atau berjuntai melebihi ROH kenderaan tersebut.
6. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan ketinggian muatan tidak melebihi *crush barrier* bagi memastikan keseimbangan muatan yang dibawa berbanding ketinggian kenderaan barangan *timber jinker*.

E. Kenderaan Barangan Kargo Am

Bahagian I – Spesifikasi Kenderaan

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan muatan yang dibawa kenderaan barangan kargo am tidak menyebabkan panel sisi badan (*side board*), panel belakang (*tail board*) dan pagar (*railing*) kenderaan mengembang melebihi dimensi badan kenderaan.
2. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan muatan yang dibawa kenderaan barangan kargo am tidak mengunjur keluar melebihi hadapan, panel belakang (*tail board*), tepi panel sisi (*side board*) dan pagar (*railing*) kenderaan.

Bahagian II – Operasi

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan kenderaan barangan kargo am hanya digunakan untuk membawa muatan kargo am kecuali kontena, kabin kontena, kenderaan atau mesin/ kenderaan berat dan khinzir.
2. Pengendali Berlesen hendaklah mematuhi reka bentuk yang ditetapkan sebagaimana Kaedah-Kaedah di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 sekiranya muatan yang hendak dibawa kenderaan barangan kargo am adalah ayam, itik dan khinzir,
3. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan kenderaan barangan kargo am tidak digunakan untuk membawa muatan berderai atau berbentuk serbuk seperti bijirin, ketulan atau partikel halus seperti tanah, pasir, lodak, lempung, bongkah batuan, kerikil atau bahan-bahan seumpamanya.
4. Sekiranya muatan yang hendak dibawa kenderaan barangan kargo am berderai atau berbentuk serbuk, Pengendali Berlesen hendaklah memastikan muatan tersebut dibungkus di dalam beg jumbo (*jumbo bag*).

5. Sekiranya muatan yang hendak dibawa kenderaan barangan kargo adalah muatan barangan basah seperti hasil laut, Pengendali Berlesen hendaklah memastikan kenderaan tersebut telah dipasang dengan penakung air mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan dan ditutup sepenuhnya dengan kain tarpaulin atau seumpamanya.
6. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan semasa beroperasi:
 - (a) semua bungkusan, kotak atau karton yang digunakan untuk diisi dengan muatan dibungkus atau diikat dengan kemas dan muatan tidak berada di dalam keadaan terdedah;
 - (b) muatan yang boleh berciciran dan mendatangkan bahaya hendaklah sentiasa ditutup sepenuhnya dengan kain tarpaulin yang berada dalam keadaan baik, tidak koyak atau berlubang;
 - (c) barangan, serpihan, partikel barangan atau muatan yang dibawa tidak berciciran atau tumpah; dan
 - (d) aksesori tambahan yang tidak dinyatakan dalam pelan teknikal diletakkan di ruang yang dikhaskan.
7. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan pengurusan pengangkutan buangan terjadual mematuhi keperluan Akta Kualiti Sekeliling 1974 (Akta 127) dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.

F. Kenderaan Barangan Lori Tegar Pembawa Kenderaan (*Vehicle Carrier*)

Bahagian I – Spesifikasi Kenderaan

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan kenderaan barangan *vehicle carrier* hanya membawa muatan iaitu kenderaan motor di mana berat kenderaan yang dibawa adalah tidak melebihi Berat Dengan Muatan (BDM)/ Berat Gandar Keseluruhan (BGK) yang dibenarkan.
2. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan muatan yang dibawa adalah terdiri daripada kenderaan atau jentera beroda sahaja.

Bahagian II – Operasi

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan muatan yang dibawa disusun dan diikat dengan kemas dan teratur bagi mengekalkan keseimbangan muatan semasa berada di atas kenderaan barangan *vehicle carrier* agar tidak mendatangkan bahaya kepada mana-mana orang di atas jalan raya.
2. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan muatan yang dibawa di atas kenderaan barangan *vehicle carrier* dikendalikan dengan cermat dan selamat supaya muatan atau apa-apa bahagian muatan yang dibawa tidak terjatuh ke atas jalan raya.
3. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan muatan yang dibawa tidak mengunjur keluar melebihi belakang, hadapan atau tepi badan kenderaan barangan *vehicle carrier* semasa beroperasi.
4. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan muatan yang dibawa atau aksesori muatan yang dibawa hendaklah pada setiap masa tidak menyebabkan bahaya atau mungkin menyebabkan bahaya kepada mana-mana orang di atas kenderaan atau di atas jalan raya semasa beroperasi.

5. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan kenderaan dalam apa-apa kedudukan tidak menghalang pergerakan lalu lintas yang lain di atas jalan raya semasa menaikkan muatan ke atas kenderaan barangan *vehicle carrier*.
6. Pengendali Berlesen hendaklah menggunakan alat amaran yang bersesuaian dan pengawal bendera yang boleh dilihat dengan jelas pada jarak minimum lima puluh (50) meter semasa menaikkan muatan ke atas kenderaan barangan *vehicle carrier* sebagai tanda amaran kepada mana-mana orang di atas jalan raya.
7. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan hanya kelindan kenderaan barangan sahaja yang dibenarkan untuk berada bersama pemandu kenderaan barangan *vehicle carrier* semasa beroperasi.

G. Kenderaan Barangan Treler Pemuat Rendah (*Low Loader/Low Bed*)

Bahagian I – Spesifikasi Kenderaan

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan kenderaan barangan *low loader/low bed* hanya membawa muatan yang tidak boleh dipecah bahagi atau jentera termasuk aksesori kepada jentera tersebut semasa beroperasi. Muatan tersebut merangkumi jentera, mesin, alat perkakas serta barangan bersaiz besar, berat atau tinggi yang tidak sesuai dibawa menggunakan jenis kenderaan barangan lain.
2. Pengendali berlesen hendaklah memastikan kenderaan *low loader/low bed* yang membawa jentera berserta aksesori kepada jentera tersebut membawa dokumen teknikal atau dokumen sokongan yang berkaitan seperti jadual teknikal atau nota penghantaran bagi mengesahkan bahawa komponen atau aksesori yang dilarikan merupakan sebahagian daripada unit jentera yang sama.
3. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan muatan gegelung besi atau seumpamanya yang ingin dibawa menggunakan kenderaan barangan *low loader/low bed* mendapat kelulusan Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan sebelum beroperasi.
4. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan tinggi keseluruhan kenderaan barangan *low loader/low bed* bersama muatan yang dibawa tidak melebihi had ketinggian yang dibenarkan.
5. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan lebar keseluruhan kenderaan barangan *low loader/low bed* bersama muatan yang dibawa tidak melebihi had lebar yang dibenarkan.

Bahagian II – Operasi

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan muatan yang dibawa di atas kenderaan barangan *low loader/low bed* sentiasa diikat dengan kemas dan teratur

bagi mengekalkan keseimbangan muatan semasa di atas kenderaan barangan *low loader/low bed* agar tidak mendatangkan bahaya kepada mana-mana orang di atas jalan raya.

2. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan kenderaan barangan *low loader/low bed* mendapat kelulusan khas oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan untuk membawa muatan yang melebihi panel sisi dan belakang kenderaan barangan *low loader/low bed* sentiasa diiringi oleh sekurang-kurangnya dua (2) kenderaan pengiring (*pilot vehicle*) di depan dan belakang kenderaan barangan sebagai tanda amaran kepada mana-mana orang di atas jalan raya semasa beroperasi.
3. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan kenderaan pengiring (*pilot vehicle*) yang mengiringi kenderaan *low loader/low bed* hendaklah berada di posisi hadapan ketika berada di jalan raya, atau di posisi belakang ketika berada di lebuh raya.
4. Pengendali Berlesen yang mendapat kelulusan khas Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan hendaklah memastikan kenderaan barangan yang membawa muatan yang melebihi panel sisi dan belakang kenderaan barangan *low loader/low bed* dibawa pada waktu siang hari agar muatan yang dibawa dapat dilihat dengan jelas oleh mana-mana orang di atas jalan raya.

H. Kenderaan Barangan Separa Treler Jenis Pole (*Pole Type*)

Bahagian I – Spesifikasi Kenderaan

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan kenderaan barangan jenis *pole type* hanya membawa muatan panjang seperti long beam dan paip sahaja.
2. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan muatan panjang yang tidak sesuai dibawa menggunakan lain-lain jenis kenderaan barangan dibawa menggunakan kenderaan barangan jenis *pole type*.
3. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan tinggi keseluruhan kenderaan barangan *pole type* bersama muatan yang dibawa tidak melebihi had ketinggian yang dinyatakan dalam pelan teknikal yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan semasa beroperasi.

Bahagian II – Operasi

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan muatan yang dibawa di atas kenderaan barangan *pole type* sentiasa diikat dengan kemas dan teratur bagi mengekalkan keseimbangan muatan semasa berada di atas kenderaan barangan *pole type* agar tidak mendatangkan bahaya kepada mana-mana orang di atas jalan raya.
2. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan kenderaan barangan *pole type* yang mendapat kelulusan khas oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan (JPJ) untuk membawa muatan yang melebihi panel sisi dan belakang kenderaan barangan *pole type* sentiasa diiringi oleh kenderaan pengiring (*pilot vehicle*) di belakang kenderaan barangan sebagai tanda amaran kepada mana-mana orang di atas jalan raya semasa beroperasi.

3. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan kenderaan pengiring (*pilot vehicle*) yang mengiringi kenderaan *pole type* hendaklah berada di posisi hadapan ketika berada di jalan raya, atau di posisi belakang ketika berada di jalan raya.
4. Pengendali Berlesen yang mendapat kelulusan khas Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan hendaklah memastikan kenderaan barangan yang membawa muatan yang melebihi panel sisi dan belakang kenderaan barangan *pole type* dibawa pada waktu siang hari agar muatan yang dibawa dapat dilihat dengan jelas oleh mana-mana orang di atas jalan raya.

I. Kenderaan Barangan Semi Treler Berbilang Gandar (*Multi Axle*)

Bahagian I – Spesifikasi Kenderaan

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan kenderaan jenis *multi-axle* hanya membawa jentera berat atau mesin besar yang tidak dapat dipecah bahagi.

Bahagian II – Operasi

1. Pengendali Berlesen hendaklah memaklumkan kepada Jabatan Kerja Raya Malaysia dan Polis Diraja Malaysia sebelum memulakan perjalanan. Kenderaan barangan *multi-axle* tersebut perlu diiring oleh Polis Diraja Malaysia Malaysia beserta dua (2) buah kenderaan pandu yang setiap satunya mempunyai lampu mata arah.
2. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan muatan yang dibawa di atas kenderaan barangan *multi-axle* sentiasa diikat dengan kemas dan teratur bagi mengekalkan keseimbangan muatan semasa di atas kenderaan barangan *multi-axle* agar tidak mendatangkan bahaya kepada mana-mana orang di atas jalan raya.
3. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan penghantaran muatan menggunakan kenderaan barangan *multi-axle* dilaksanakan di luar waktu puncak berdasarkan penetapan Pihak Berkuasa berkaitan bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas serta memastikan kelancaran aliran trafik.

J. Kenderaan Barangan *Open Platform*

Bahagian I – Spesifikasi Kenderaan

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan kenderaan barangan jenis *open platform* hanya membawa muatan panjang seperti *long beam*, paip dan *palletized cylinder gas*.
2. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan tinggi keseluruhan kenderaan barangan *open platform* bersama muatan yang dibawa tidak melebihi had ketinggian yang dibenarkan.
3. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan lebar keseluruhan kenderaan barangan *open platform* bersama muatan yang dibawa tidak melebihi had lebar yang dibenarkan.

Bahagian II – Operasi

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan muatan yang dibawa di atas kenderaan barangan *open platform* sentiasa diikat dengan kemas dan teratur bagi mengekalkan keseimbangan muatan semasa di atas kenderaan barangan *open platform* agar tidak mendatangkan bahaya kepada mana-mana orang di atas jalan raya.
2. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan muatan tong gas yang dibawa menggunakan kenderaan barangan *open platform* disusun rapi dan dalam posisi berdiri/menegak.
3. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan posisi penutup tong gas berada pada posisi atas dan penutup tong gas ditutup dengan pelindung atau *cap* dan dipasang dengan baik dan selamat.

4. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan lantai kenderaan membawa muatan tong gas adalah mendatar dan rata serta diperbuat dari bahan yang tidak boleh menyebabkan percikan api ke atas muatan yang dibawa.
5. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan kenderaan barangan *open platform* yang mendapat kelulusan khas oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan membawa muatan yang melebihi panel sisi dan belakang kenderaan barangan *open platform* sentiasa diiringi oleh kenderaan pengiring (*pilot vehicle*) di belakang kenderaan barangan sebagai tanda amaran kepada mana-mana orang di atas jalan raya semasa beroperasi.
6. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan kenderaan pengiring (*pilot vehicle*) yang mengiringi kenderaan *open platform* hendaklah berada di posisi hadapan ketika berada di jalan raya, atau di posisi belakang ketika berada di lebuh raya.
7. Pengendali Berlesen hendaklah mematuhi syarat berkaitan kenderaan pengiring jika dinyatakan dalam pelan teknikal yang diluluskan.
8. Pengendali Berlesen yang mendapat kelulusan khas Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan hendaklah memastikan kenderaan barangan yang membawa muatan yang melebihi panel sisi dan belakang kenderaan barangan *open platform* dibawa pada waktu siang hari agar muatan yang dibawa dapat dilihat dengan jelas oleh mana-mana orang di atas jalan raya.

K. Kenderaan Barangan Lori Tegar Pembancuh Simen (*Concrete Mixer*)

Bahagian I – Spesifikasi Kenderaan

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan kenderaan barangan *concrete mixer* hanya membawa muatan *ready mixed concrete* sahaja semasa beroperasi.
2. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan pemeriksaan rutin dan penyenggaraan berkala dijalankan ke atas kenderaan barangan *concrete mixer* sebelum mengangkut konkrit campuran.
3. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan *self-loading* kenderaan barangan *concrete mixer* dilengkapi dengan kawalan operasi dan ciri keselamatan seperti butang berhenti kecemasan, *interlock* keselamatan dan sistem perlindungan lebih muatan hidraulik.
4. Pengendali Berlesen hendaklah memasang peranti anti-tumpahan pada kenderaan barangan *concrete mixer* bagi mengelakkan tumpahan konkrit semasa di selekoh tajam dan memberhentikan kenderaan secara mengejut.
5. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan *sliding bucket* diletakkan dengan kukuh pada badan kenderaan barangan *concrete mixer* untuk mengelakkannya daripada berayun akibat kelonggaran.
6. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan pemasangan *concrete waste box* dipasang mengikut saiz yang bersesuaian untuk memastikan tiada tumpahan sisa konkrit di atas jalan raya.

Bahagian II – Operasi

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan pekerjaanya yang memandu kenderaan barangan *concrete mixer* sentiasa peka dengan fungsi kawalan keselamatan

kenderaan barangan *concrete mixer* dan memastikan semua peranti keselamatan berfungsi untuk mengekalkan keadaan operasi yang selamat.

2. Pengendali Berlesen hendaklah mematuhi tatacara pengendalian *ready mixed concrete* berpandukan CIS 21:2018 – Standard Industri Pembinaan (CIDB) atau yang setara dengannya.
3. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan tumpahan konkrit di atas jalan raya dibersihkan sepenuhnya menggunakan peralatan yang bersesuaian dalam tempoh kurang dari lima jam agar permukaan jalan selamat untuk dilalui oleh pengguna jalan raya.

L. Kenderaan Barangan Tangki (Kelas Barangan Berbahaya)

Bahagian I – Spesifikasi Kenderaan

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan kenderaan tangki (kelas barangan berbahaya) adalah memenuhi Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan (Pembinaan dan Penggunaan) (Kenderaan Barangan Berbahaya) 2015.
2. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan kelengkapan keselamatan bagi semua kelas barangan berbahaya disediakan bagi kenderaan tangki minyak & gas mengikut ciri fizikal barangan tersebut sama ada gas, cecair atau pepejal. Kelengkapan keselamatan yang perlu disediakan adalah termasuk dan tidak terhad kepada:
 - (a) alat pengunci pergerakan roda yang bersesuaian dengan kapasiti kenderaan;
 - (b) dua papan tanda amaran berdiri sendiri;
 - (c) jaket amaran;
 - (d) peralatan lampu mudah alih;
 - (e) sarung tangan pelindung;
 - (f) alat pelindung mata; dan
 - (g) dua alat pemadam api yang mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh Jabatan Penyelamat dan Bomba Malaysia.
3. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan kenderaan dipasang dengan label pengenalan bagi jenis muatan yang dibawa dan risiko akibat terdedah dengan muatan tersebut.
4. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan kenderaan barangan tangki (barangan berbahaya) mematuhi spesifikasi yang telah ditetapkan oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan serta mematuhi standard keselamatan di bawah Peraturan 105 UN/ECE (Suruhanjaya Ekonomi Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Eropah).

Bahagian II – Operasi

1. Pemandu kenderaan perlu memastikan kenderaan yang diletakkan di tepi jalan perlu mempunyai ruang minimum dua (2) meter daripada sisi jalan.
2. Pemandu kenderaan mestilah sentiasa peka dengan fungsi kawalan keselamatan kenderaan tangki kelas barangan berbahaya serta memastikan semua peranti keselamatan berfungsi untuk mengekalkan keadaan operasi yang selamat.
3. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan pengurusan pengangkutan buangan terjadual mematuhi keperluan Akta Kualiti Sekeliling 1974 (Akta 127) dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.

M. Kenderaan Barangan Tangki (Selain Kelas Barangan Berbahaya)

Bahagian I – Spesifikasi Kenderaan

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan hanya muatan yang sesuai dengan jenis kenderaan tangki (selain kelas barangan berbahaya) yang digunakan.

Bahagian II – Operasi

1. Bagi mengelakkan pencemaran terhadap jenis muatan yang dibawa, Pengendali Berlesen hendaklah memastikan kenderaan tangki mematuhi keperluan dan prosedur pembersihan tangki berdasarkan peraturan/tatacara/garis panduan yang dikeluarkan oleh agensi-agensi berkuasa yang berkaitan.
2. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan kenderaan barangan yang digunakan untuk mengangkut sisa kumbahan mematuhi peruntukan yang ditetapkan dalam Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655).
3. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan kenderaan barangan tangki yang digunakan untuk mengangkut makanan mematuhi peruntukkan yang ditetapkan dalam Akta Makanan 1983 (Akta 281) dan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009.

N. Kenderaan Barangan Penyejuk (*Cold Chain*)

Bahagian I – Spesifikasi Kenderaan

1. Pengendali Berlesen hendaklah melengkapi kenderaan dengan peralatan penyejukan, penstabilan dan kawalan suhu, penebat haba dan pelembapan.
2. Pengendali Berlesen hendaklah melengkapi kenderaan dengan sistem pemantauan suhu dan isyarat automatik sekiranya terdapat perubahan suhu daripada julat suhu yang dibenarkan.

Bahagian II – Operasi

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan sistem penyejukan berfungsi sepanjang perjalanan dan penghantaran dilakukan dalam jangka masa suhu kritikal.
2. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan kenderaan disejukkan terlebih dahulu sebelum memuatkan barangan untuk mengekalkan kualiti suhu produk.
3. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan proses memuat dan memunggah dipercepatkan dengan menggunakan pengangkut palet atau peralatan lain untuk mengurangkan pendedahan kepada suhu luar.

O. Kenderaan Barangan Berperisai Keselamatan (*Security Services*)

Bahagian I – Spesifikasi Kenderaan

1. Pengendali Berlesen hendaklah melengkapi kenderaan dengan peranti komunikasi untuk mengekalkan komunikasi berkesan dengan pasukan sokongan dan mendapatkan perkhidmatan kecemasan atau bantuan apabila diperlukan.
2. Pengendali Berlesen hendaklah melengkapi kenderaan dengan sistem amaran dan keselamatan yang berfungsi dengan baik.

Bahagian II – Operasi

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan pemandu kenderaan telah diberi maklumat, arahan dan latihan yang bersesuaian dengan kenderaan perkhidmatan keselamatan termasuk teknik pemanduan pertahanan, tindak balas kecemasan termasuk kerosakan kenderaan, kemalangan dan protokol keselamatan sekiranya berlaku ancaman keselamatan di atas jalan raya.
2. Pengendali berlesen hendaklah mempunyai Lesen Perkhidmatan Keselamatan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Agensi Persendirian 1971 (Akta 27) sebelum menjalankan operasi.
3. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan pemandu kenderaan sentiasa peka dengan keadaan dan ancaman persekitaran serta melaksanakan pelan kecemasan sekiranya pemandu kenderaan berasa terancam dengan persekitaran di atas jalan raya.

P. Kenderaan Barangan Lori Tegar Sampah (*Waste Disposal*)

Bahagian I – Spesifikasi Kenderaan

1. Pengendali Berlesen hendaklah menggunakan kenderaan pelupusan yang mempunyai penutup pintu logam tidak berkarat dan tangki air sisa dengan kapasiti yang sesuai diperbuat daripada bahan tahan kakisan untuk mengumpul dan menyimpan *leachate* buat sementara waktu sebelum sisa buangan dilupuskan.
2. Pengendali Berlesen hendaklah menggunakan kenderaan pelupusan sisa yang sesuai bagi mengelakkan tumpahan *leachate* dan keciciran sisa domestik sebelum sisa buangan dilupuskan bagi mengelakkan pencemaran bau.
3. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan keperluan sisa pepejal dan pembersihan awam (Skim Bagi Sisa Pepejal Pembinaan) 2018 dipatuhi.
4. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan kenderaan dilengkapi dengan peralatan atau kelengkapan dan kebersihan yang bersesuaian. Peralatan tersebut adalah termasuk dan tidak terhad kepada:
 - (a) Alat penyodok;
 - (b) Tong Sampah;
 - (c) Penyapu keras; dan
 - (d) Beg plastik.

Bahagian II – Operasi

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan kenderaan barangan yang digunakan untuk mengangkut sisa pepejal mematuhi peruntukan yang ditetapkan dalam Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) sekiranya berkaitan.

2. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan muatan pelupusan yang dibawa menggunakan kenderaan barangan jenis compactor sentiasa berada di dalam badan kenderaan dan tidak diletakkan di luar atau di atas badan kenderaan barangan.
3. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan muatan pelupusan sisa tidak melebihi kapasiti maksimum yang dibenarkan.
4. Pengendali berlesen hendaklah memastikan pemandu kenderaan tidak meletakkan kenderaan pelupusan sisa yang sarat dengan sisa di tempat letak kereta awam atau berdekatan. Kenderaan tersebut hendaklah bergerak terus ke tapak pelupusan yang ditetapkan.
5. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan sisa pelupusan dimampatkan dengan betul dan injap longkang bagi tangki air sisa dan penutup belakang logam berada dalam keadaan tutup untuk mengelakkan bau merebak, percikan *leachate* dan pembuangan sisa daripada kenderaan semasa pengangkutan.
6. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan tiada percikan air sisa atau *leachate* yang boleh mencemarkan alam sekitar.
7. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan sebarang sisa buangan yang tertinggal dalam kenderaan selepas pengosongan sisa buangan di tapak pelupusan dibersihkan dan seterusnya kemudahan pembersihan yang disediakan digunakan untuk mencuci tayar dan badan kenderaan.
8. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan alatan pengendalian pengurusan pelupusan sisa tidak diletakkan di luar badan kenderaan yang boleh mendatangkan bahaya kepada pengguna jalan yang lain.
9. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan tiada sisa domestik berada di bahagian luar ruangan muatan tertutup semasa operasi dikendalikan.

10. Lampu amaran/ siren/ lampu mata arah yang sesuai dipasang di bahagian belakang kenderaan ketika kenderaan dalam proses mengumpul sisa di jalan raya.

Q. Kenderaan Barangan Bersendi dengan Separuh Treler (*B-double*)

Bahagian I – Spesifikasi Kenderaan

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan kenderaan barangan jenis bersendi dengan separuh treler berganda (*B-double*) memenuhi spesifikasi yang telah ditetapkan dalam Perintah Sekatan Berat (Jalan Persekutuan) (Pindaan) (No. 2) 2000 serta mendapat kelulusan daripada Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan.

Bahagian II – Operasi

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan kenderaan barangan jenis bersendi dengan separuh treler berganda (*B-double*) tidak menggunakan jalan-jalan selain daripada yang ditetapkan dalam Jadual Kelima (Senarai 1) Perintah Sekatan Berat (Jalan Persekutuan) (Pindaan) (No. 2) 2000.
2. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan penghantaran muatan menggunakan kenderaan barangan jenis bersendi dengan separuh treler berganda (*B-double*) dilaksanakan di luar waktu puncak berdasarkan penetapan Pihak Berkuasa berkaitan bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas serta memastikan kelancaran aliran trafik.
3. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan muatan yang dibawa di atas kenderaan barangan jenis bersendi dengan separuh treler berganda (*B-double*) dimuatkan dengan kemas dan teratur bagi mengekalkan keseimbangan muatan semasa di atas kenderaan agar tidak mendatangkan bahaya kepada mana-mana orang di atas jalan raya.

R. Kenderaan Barangan *Semi Treler Open Platform* Dengan Sistem *Twist Lock*

Bahagian I – Spesifikasi Kenderaan

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan tanda badan 'KA' dipamerkan dengan jelas pada bahagian kiri, kanan dan belakang badan kenderaan barangan *semi treler open platform* yang dilengkapi sistem *twist lock* pada setiap masa. Tanda badan tersebut hendaklah menggunakan tulisan berwarna putih berukuran 225 milimeter tinggi dengan ketebalan 25 milimeter serta dipaparkan pada latar belakang berbentuk bulatan berwarna hitam berdiameter 305 milimeter.
2. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan kenderaan barangan jenis semi treler open platform dilengkapi sistem *twist lock* hanya membawa muatan panjang dan kontena ISO bersaiz 40 kaki dan 45 kaki sahaja tertakluk kepada kelulusan pelan teknikal daripada JPJ.
3. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan tinggi keseluruhan kenderaan barangan semi treler open platform yang dilengkapi sistem *twist lock* bersama muatan yang dibawa tidak melebihi had ketinggian yang dibenarkan.
4. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan lebar keseluruhan kenderaan barangan semi treler open platform yang dilengkapi sistem *twist lock* bersama muatan yang dibawa tidak melebihi had lebar yang dibenarkan.

Bahagian II – Operasi

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan muatan dan kontena yang dibawa di atas kenderaan barangan *semi treler open platform* yang dilengkapi sistem *twist lock* sentiasa diikat dengan kemas dan teratur bagi mengekalkan keseimbangan muatan agar tidak mendatangkan bahaya kepada mana-mana orang di atas jalan raya.

2. Pengendali Berlesen hendaklah menggunakan sistem pengurusan depoh kontena bagi tujuan tempahan waktu pengambilan dan waktu penghantaran kontena kosong. Sistem pengurusan depoh kontena tersebut hendaklah dibangunkan dan boleh dicapai secara atas talian melalui laman sesawang dan aplikasi mudah alih.
3. Pengendali Berlesen hendaklah mematuhi waktu tempahan yang telah dibuat bagi pengambilan dan penghantaran kontena kosong di depoh kontena. Sekiranya tidak dapat mematuhi waktu tempahan yang telah dibuat, Pengendali Berlesen hendaklah memaklumkan kepada pengendali depoh kontena.
4. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan semasa beroperasi:
 - (a) kesemua kunci pulas (*twist lock*) dipasang dan dikunci dengan kemas serta berfungsi dengan baik;
 - (b) kesemua pintu kontena ditutup dengan rapat serta *locking rods/ door handle* dikunci dengan kemas kecuali ketika membawa jenis kargo mudah rosak seperti bawang atau seumpamanya yang mana hanya satu (1) keping pintu sahaja dibenarkan untuk dibuka (mesti diikat dengan kemas) atau ditanggalkan dan disimpan di dalam kontena;
 - (c) kargo pada kontena peralatan khas (*special equipment*) seperti kontena terbuka atas (*open top*) dan kontena rak rata (*flat rack*) diikat dengan kemas, ditutup dan tidak membahayakan pengguna jalan raya yang lain;
 - (d) kontena terbuka atas (*open top*) dan kontena rak rata (*flat rack*) tidak membawa muatan yang berderai atau dipecah bahagi; dan
 - (e) panel kontena berada dalam keadaan yang baik, ditutup dan tidak membahayakan pengguna jalan raya yang lain.
5. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan penggerak utama kenderaan barangan kontena hanya menarik semi treler open platform yang dilengkapi sistem twist lock sahaja.
6. Pengendali Berlesen hanya dibenarkan beroperasi dari pelabuhan ke premis perniagaan dalam zon industri (*port to industrial zone*) atau dari premis perniagaan dalam zon industri ke pelabuhan (*industrial zone to port*).